



DASAR PENDIDIKAN NEGERI

NEGERI KELANTAN

DASAR PENDIDIKAN NEGERI

DASAR PENDIDIKAN NEGERI

Sejarah Pendidikan Islam di Kelantan bermula seawal tahun I 820-an bermula dengan pembukaan pondok. Lanya terus maju dan berkembang sesuai dengan perubahan masa dan peredaran zaman. Sehingga kini, satu agensi Kerajaan iaitu Yayasan Islam Kelantan (YIK) telah diberi amanah dan tanggungjawab untuk memastikan kelangsungan pendidikan di Kelantan terutama Pendidikan Islam sesuai dengan wawasan Kerajaan Negeri, Membangun Bersama Islam.

MATLAMAT

Matlamat pendidikan YIK adalah, pendidikan kearah melahirkan muslim yang beriman, berakhhlak mulia, berilmu pengetahuan, beramal soleh dan layak berkhidmat untuk membangun keluarga, masyarakat, negeri dan Ummah.

FALSAFAH

Pendidikan Islam (ta'lim, ta'dib, irsyad, dan tadrib) merupakan usaha berterusan kearah memperkembangan potensi individu muslim secara menyeluruh dan bersepadu, untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi rohani, aqliah, aqidah, emosi dan jasmani berdasarkan ajaran Islam.

STRATEGI

Bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan, beberapa langkah dan strategi telah diambil iaitu :

1. Melaksanakan dasar 'Kearah YIK Berdikari'
2. Menambah peruntukan kerajaan kepada YIK
3. Menambah bilangan guru-guru tetap
4. Menaikkan gaji dan ganjaran persaraan guru
5. Meningkatkan infrastruktur pendidikan terutama ICT
6. Mewujudkan sekolah pelbagai aliran, sains, teknik dan tahfiz.

PENUBUHAN INSTITUSI BARU

Beberapa institusi pendidikan baru telah diwujudkan disamping mengembangkan institusi yang sedia ada sebagai pemangkin Pendidikan Islam di bumi Serambi Mekah Ini, antaranya

1. Penubuhan Maahad Tahfiz Al-Quran Pulai Chondong.
2. Menerima pakai 100% perubahan kurikulum Maahad Bu'uth Al-Azhar untuk kurikulum YIK.
3. Menubuhkan Maahad Dakwah Wal Imamah Nilam Puri.
4. Menubuhkan Pusat Pembangunan Pondok Berhad.
5. Membuka kelas aliran Sains Tulin di Maahad Muhammadi Lelaki dan Perempuan.
6. Menubuhkan Kolej Pondok Darul Naim, PasirTumbuh.
7. Membuka Kelas Aliran Teknik dan Perdagangan di
 - i. SMU(A) Amir Indera Petra, Bachok.
 - ii. SMU(A) Arabiah, Pasir Mas.
 - iii. SMU(A) Maahad Muhammadi Pasir Pekan.
8. Penubuhan Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS).
9. Penubuhan Tadika Tengku Anis III Pasir Mas.
10. Menubuhkan Maahad Tahfiz Sains.

NOTA :

Mengikut Buku Pelan Strategik Pembangunan Negeri Kelantan oleh UPEN ada dimuatkan perkara berikut:

Ringkas Pengenalpastian Projek Universiti Malaysia Kelantan

Lokasi

Pusat Pertumbuhan Baru.

Matlamat dan Objektif

- a) Menubuhkan sebuah universiti yang akan memberi pembangunan seimbang dari segi pembentukan interlek dengan aspek praktik di alam nyata.
- b) Menjadi penggerak kepada pertubuhan dan pembangunan negeri Kelantan.
- c) Sebagai daya tarikan kepada golongan interlek dari luar untuk berkhidmat di Kelantan dan sebagai kuasa mengekalkan interlek tempatan.
- d) Sebagai pusat penyelidikan untuk merealisasikan visi pembangunan negeri dalam pelbagai bidang khusus kepada bidang usaha dan budaya unik untuk negeri kelantan.

Keperluan projek

Anggaran Kos Universiti Malaysia Kelantan

(a) Pentadbiran ITP

(b) Fakulti

- i. Pejabat Fakulti
- ii. Pejabat Jabatan
- iii. Bilik Pensyarah

(c) Dewan Kuliah (Kapasiti 300)

(d) Bilik kuliah (Kapasiti 60)

(e) Perpustakaan

(f) Makmal

(g) Makmal Komputer

(h) Kolej Kediaman

- Pentadbiran
- Bilik Penginapan
- Dewan makan
- Ruang aktiviti pelajar
- Ruang belajar/ bacaan
- Ruang tetamu

Jumlah RM 85,000,000.00

Mekanikal dan Elektrik RM 12,000,000.00

Yuran ikhtisas RM 7,000,000.00

JUMLAH BESAR RM 104,000,000.00

Sila YB pastikan dasar pendidikan negeri yang kemaskini yang telah diluluskan setakat ini.